

TEKS USUL
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018

USUL MEMPERKENAL DAN MEMPERKASA SUKAN ROWING DI
PULAU PINANG
OLEH MOHD FAIZ BIN EUSOF

Sukan *rowing* kurang dikenali bukan sahaja di Pulau Pinang malah di negeri lain juga. Namun sukan ini mendapat sambutan di kebanyakan IPTA dan IPTS. Sukan ini juga merupakan sukan yang dipraktikkan di luar negara seperti Amerika Syarikat, Germany, New Zealand dan Australia dan dari pelbagai negara lagi. Sukan ini patut diberi penelitian dan penerangan kepada anak muda supaya mereka berminat dan dapat menonjolkan bakat mereka dalam sukan ini. Hal ini kerana, bukan semua anak muda dapat bermain sukan air seperti yang mereka ingini. Ini kerana sukan ini mempunyai kategori kategori yang tersendiri. Maka ini dapat memberi peluang kepada mereka yang ingin dan berminat untuk bermain sukan air.

Memandangkan sukan *rowing* ini kurang dikenali oleh anak-anak muda, kerajaan harus memberi peruntukan kepada setiap sekolah atau sesetengah sekolah di Pulau Pinang supaya mereka dapat berlatih dan memasuki sukan *rowing* ini. Dengan peruntukkan yang diberi kerajaan, pihak sekolah dapat mengambil jurulatih untuk membimbing pelajar sekolah tersebut. Hal ini kerana ramai pelajar yang sambung pelajaran ke IPTA yang tidak kenal dengan sukan *rowing* ini.

Sukan ini sukan yang bertaraf antarabangsa jika anak muda dilatih dan diberi tumpuan kepada sukan ini mereka mungkin dapat mewakili diri untuk berlumba dengan pelumba dari luar negara dan ini bukan sahaja akan menaikkan nama pelajar tersebut malah juga akan menaikkan nama negara dan negeri kita juga.

Akhir sekali, kerajaan juga dapat memberi peruntukan dengan membina satu kawasan atau tasik atau menjadikan dam di Teluk Bahang untuk anak-anak muda kita berlatih. Hal ini dapat membantu mereka untuk berlatih dan terus berlatih di samping mereka fokus dengan pembelajaran mereka. Ini dapat membantu mereka untuk mengimbangi pelajaran dan sukan

Sekian, terima kasih

Yang Ikhlas,

Mohd Faiz bin Eusof
Ahli Sidang Muda 2018

